

Perdana Menteri dukacita laporan terkini CPI um / 10/11

PUTRAJAYA 9 Nov. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, laporan terkini Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2006 adalah mendukacitakan dan membawa tanda tanya sama ada kajian itu sahih serta benar-benar mencerminkan keadaan di negara ini atau sebaliknya.

Menurut Perdana Menteri, andaian boleh dibuat bahawa kajian tersebut adalah kajian persepsi semata-mata dan dengan itu mungkin berbeza daripada realiti.

"Walau apa kesimpulan yang mungkin diambil daripada kajian itu, saya tetap bertegas untuk melaksanakan agenda integriti di dalam negara malah saya melihat laporan itu sebagai peringatan dan *wake up call*.

"Ini bagi menyedar dan menyuntik semangat kepada kita untuk berusaha lebih gigih bagi menjayakan usaha jangka panjang membasmi rasuah dan melahirkan lebih ramai insan berhati mulia serta berjiwa luhur," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Institut Integriti Negeri Peringkat Kebangsaan dan sambutan Hari Integriti Nasional 2006, di sini hari ini.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, menteri-menteri Kabinet dan Ketua Setiausaha Negara merangkap Pengerusi Institut Integriti Malaysia (IIM), Tan Sri Mohd. Sidek Hassan.

Akhbar sebelum ini melaporkan kedudukan Malaysia dalam CPI yang dikeluarkan *Transparency International* jatuh dari kedudukan 39 ke tangga 44 daripada 163 negara yang terlibat dalam kajian tersebut.

CPI merosot 5.0 mata berbanding 5.1 tahun lalu.

Berikutan kemerosotan itu, kedudukan Malaysia di wilayah Asia Pasifik berada pada kedudukan ke-10, mengatasi negara serantau lain seperti Thailand, China, India, Vietnam, Filipina dan Indonesia.

Abdullah memberitahu, kemungkinan keterbukaan yang dibawa sekarang terutama melalui media massa telah menyebabkan ramai yang berpendapat keadaan di Malaysia belum meningkat dengan ketara.

"Kita sebenarnya tidak perlu orang lain untuk memberitahu kita tentang keadaan di dalam negara sendiri," katanya.

Beliau turut menyatakan bahawa ramai pihak yang telah menyuarakan kekecewaan serta kritikan bahawa banyak kes yang disabitkan dengan rasuah sama ada melibatkan 'ikan bilis' dan 'jerung', masih tertangguh.

"Apabila isu ini dibangkitkan selalunya kritikan ditujukan kepada Perdana Menteri yang kononnya dituduh tidak serius untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang bersalah.

"Namun ini adalah urusan mahkamah dan saya menyerahkan kepada mahkamah untuk menyelesaikan kes tersebut," katanya.

Menurut Abdullah, beliau melihat kes rasuah sebagai kes yang melibatkan kepentingan awam yang harus diselesaikan dengan segera dan kelewatan dalam mendengar serta memuktamadkan kes itu boleh menjejaskan usaha kerajaan.

Justeru, seperti rakyat lain, katanya beliau berharap pihak mahkamah dapat menyegerakan pendengaran kes-kes rasuah supaya bukan hanya keadilan ditegakkan tetapi keadilan kelihatan dilakukan.

Menyentuh mengenai Institut Integriti di setiap negeri, beliau meminta supaya institut itu turun padang agar usaha yang dibawa dalam membasmi rasuah bukan sekadar memenangi pilihan raya semata-mata.